



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KEPENGGERUSIAN ASEAN MALAYSIA 2025 OGOS 2025

Malaysia Menjadi Tuan Rumah Mesyuarat Kumpulan Kerja Mengenai Indikator Matlamat Pembangunan Mampan Ke-8 (WGSDGI8)

PUTRAJAYA, 7 OGOS 2025 – Di bawah kepimpinan Pengerusi ASEAN Malaysia 2025 yang bertemakan “Inklusiviti dan Kelestarian,” Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah berjaya menganjurkan Mesyuarat Kumpulan Kerja Mengenai Indikator Matlamat Pembangunan Mampan ke-8 (WGSDGI8) pada 5 hingga 6 Ogos 2025 di Putrajaya.

WGSDGI, sebuah Kumpulan Kerja utama di bawah Sistem Statistik Komuniti ASEAN (ACSS), memainkan peranan penting dalam memajukan ekosistem data ASEAN. Ia mengetuai usaha untuk menyeragamkan metodologi, menyelaraskan indikator dan memperkukuh keupayaan statistik di seluruh Negara Anggota ASEAN (AMS), bagi memastikan data SDG adalah telus, boleh dibandingkan dan boleh diguna pakai. Mesyuarat WGSDGI ke-8 (WGSDGI8) telah menghimpunkan 29 orang perwakilan dari AMS dan Sekretariat ASEAN (ASEANstats), termasuk penyertaan secara maya dari Cambodia, Lao PDR dan Myanmar.

Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025, mengulangi komitmennya untuk membina ASEAN yang lebih padu, inklusif dan dipacu oleh data. Malaysia berhasrat untuk memperkukuh keupayaan statistik, menyeragamkan indikator serantau dan memastikan kemajuan yang boleh diukur dan bermakna, yang mencerminkan keyakinannya terhadap solidariti serantau, tadbir urus berinformasi dan masa depan bersama yang didorong oleh data.

Dalam ucapan aluan YBhg. Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merangkap Pengerusi kepada Sidang ke-15 ACSS (ACSS15), menekankan bahawa

“Untuk memenuhi komitmen *‘leave no one behind’*, pemahaman yang jelas mengenai situasi semasa memerlukan penunjuk yang relevan, boleh dipercayai dan tepat pada masanya serta data yang mencerminkan bukan sahaja prestasi serantau tetapi juga pengalaman hidup rakyat”.

“Oleh itu, AMS memainkan peranan penting dalam usaha ini dan *National Statistics Office* (NSO) bukan sahaja sebagai pengeluar data, tetapi sebagai pemudah cara strategik bagi pembangunan berasaskan bukti”, kata YBhg. Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

WGSDGI adalah sebuah platform kerja yang melibatkan AMS dengan fokus utama untuk memastikan pencapaian dan pemantauan terhadap indikator SDG di kalangan negara-negara ASEAN. Mesyuarat WGSDGI membincangkan kemajuan, cabaran dan isu pelaksanaan penunjuk SDG serta menyelaraskan usaha antara negara anggota, agensi PBB dan organisasi antarabangsa dalam memantau kemajuan SDG.

WGSDGI8 khususnya diadakan untuk mendapatkan persetujuan berkaitan dengan ASI-CT, membincangkan Laporan Kemajuan Indikator SDG ASEAN 2025, membincangkan Pelan Kerja Pelbagai Tahun (MYP) WGSDGI 2026-2030, mengemaskini Pelan Kerja Tahunan (AWP) 2026, membincangkan keperluan dan kepakaran WGSDGI yang dikemas kini di bawah Kerangka ASEAN Membantu ASEAN (AHAF), membincangkan kerjasama ASEAN-UN Women dalam Statistik Gender dan membentangkan kemajuan kajian rintis mengenai *Small Area Estimation* (SAE).

Laporan Kemajuan Indikator SDG ASEAN 2025 dijangka akan diterbitkan pada September 2025. ASEAN kini memantau 147 indikator utama atau 374 termasuk sub-indikator dan indikator tambahan.

Pelan Kerja Pelbagai Tahun (MYP) WGSDGI 2026–2030 adalah selaras dengan visi dan misi Sistem Statistik Komuniti ASEAN (ACSS) serta digubal berdasarkan Pelan Tindakan ACSS 2026–2030. Pelan Kerja Tahunan (AWP) 2026 akan dibangunkan berdasarkan Pelan Kerja Pelbagai Tahun (MYP) WGSDGI 2026–2030. Kerangka ASEAN Membantu ASEAN (AHAF) terus diperkukuh melalui usaha sama AMS dalam mengenal pasti keperluan serta kepakaran yang dapat dimanfaatkan bagi memperkukuh kerjasama serantau.

Seiring dengan penganjuran WGSDGI8, para delegasi turut berpeluang merasai layanan penuh mesra di Malaysia yang mencerminkan komitmen negara dalam mewujudkan suasana yang harmoni dan menyokong kerjasama dalam komuniti statistik ASEAN.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 OGOS 2025